

Halatuju Pelajar TVET: Kesan Minat Terhadap Niat Kerjaya Pelajar Teknologi Automotif Di Kolej Vokasional

Mohamad Zhurad Haron *^a, Mohd Nasrun Sumari ^b

^{a,b} Jabatan Teknologi Mekanikal Dan Pembuatan, KV Tanjung Puteri Johor Bahru, Johor, Malaysia

ABSTRAK

Bidang teknologi automotif merupakan salah satu disiplin ilmu yang berkembang pesat di seluruh dunia, terutamanya dengan kemajuan teknologi yang pesat dalam industri automotif. Minat pelajar terhadap subjek teknologi automotif menjadi aspek penting dalam menentukan niat kerjaya mereka dalam bidang ini. Kajian ini bertujuan mengkaji hubungan antara minat dan niat kerjaya pelajar dalam bidang teknologi automotif di sebuah Kolej Vokasional dalam daerah Johor Bahru, Johor. Objektif utama kajian adalah untuk mengenal pasti tahap minat pelajar terhadap subjek teknologi automotif dan niat mereka untuk bekerja dalam bidang menservis automotif. Kajian menggunakan pendekatan kuantitatif dengan populasi seramai 134 pelajar Program Teknologi Automotif di sebuah Kolej Vokasional. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik dengan skala Likert 5 mata untuk mengukur persepsi minat dan niat mereka. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan inferensi untuk memahami hubungan antara faktor yang dikaji. Hasil kajian mendapati tahap minat dan niat kerjaya pelajar berada pada tahap yang sangat tinggi, dengan hubungan signifikan antara keduanya. Minat yang mendalam meningkatkan motivasi intrinsik pelajar untuk mengejar kerjaya dalam bidang ini. Implikasi kajian ini penting untuk pendidik dalam merancang strategi pengajaran yang dapat mengekalkan dan meningkatkan minat pelajar, manakala pembuat dasar perlu mempertimbangkan dasar yang menyokong kurikulum responsif kepada minat pelajar dan keperluan industri. Pengkaji masa depan dicadangkan untuk meneroka faktor luaran seperti pengaruh keluarga dan pendedahan industri, serta melakukan kajian longitudinal bagi menilai perubahan minat dan niat kerjaya dari masa ke masa.

SEJARAH ARTIKEL

Peroleh 15 Julai, 2024
Semakan 5 Ogos, 2024
Terima 19 Ogos, 2024

KATA KUNCI

Minat pelajar; Niat Kerjaya TVET; Teknologi Automotif; Menservis Automotif, Motivasi Intrinsik.

Career Pathways of TVET Students: The Effect of Interest on Career Intention among Automotive Technology Students at Vocational Colleges

ABSTRACT

The automotive technology field is rapidly expanding worldwide, driven by significant technological advancements in the automotive industry. Students' interest in automotive technology is a key factor in shaping their career aspirations within this domain. This study investigates the connection between students' interest and their career intentions in automotive technology at a Vocational College located in Johor Bahru, Johor. The primary goal is to determine the extent of students' interest in automotive technology subjects and their intent to pursue careers in the automotive service sector. The study employs a quantitative approach to examine 134 students enrolled in the Automotive Technology Program at the college. Data were collected through a questionnaire featuring a 5-point Likert scale, designed to assess students' perceptions of their interest and career intentions. The analysis, which involved both descriptive and inferential statistics, indicates that students exhibit a very high level of interest and career intent, with a significant correlation between these factors. Strong interest in the subject enhances students' intrinsic motivation to follow a career in this area. The implications of this study are significant for educators in designing teaching strategies that can sustain and enhance students' interest, while policymakers need to consider policies that support a curriculum responsive to students' interests and industry needs. Future researchers are encouraged to explore external factors such as family influence and industry exposure, as well as to conduct longitudinal studies to assess changes in career interest and intentions over time.

ARTICLE HISTORY

Received 15 July, 2024

Revised 5 August 2024

Accepted 19 August 2024

KEYWORDS

Students' Interest; TVET
Career Intention;
Automotive Technology;
Automotive Service;
Intrinsic Motivation.

1. Pengenalan

Bidang teknologi automotif merupakan satu disiplin ilmu yang berkembang pesat di seluruh dunia, didorong oleh kemajuan teknologi dalam industri automotif. Minat pelajar terhadap subjek ini memainkan peranan penting dalam menentukan niat kerjaya mereka dalam bidang tersebut. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa minat yang tinggi dalam sesuatu bidang dapat meningkatkan prestasi akademik dan membantu dalam pemilihan kerjaya yang lebih sesuai (Wan-Mook Choi, 2022). Ini selaras dengan penemuan Teori Minat, yang menyatakan bahawa minat adalah dorongan dalaman yang mendorong individu untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti yang dianggap menarik dan bermakna. Dalam konteks pendidikan, minat terhadap sesuatu subjek mampu meningkatkan penglibatan pelajar dalam pembelajaran dan seterusnya memperbaiki pencapaian akademik mereka.

Teori Niat Kerjaya pula menyatakan bahawa niat merupakan penunjuk penting terhadap tingkah laku masa depan, termasuk dalam pemilihan kerjaya. Kajian oleh Kelly Miller P. Sadler (2020) mendapati bahawa pelajar yang mempunyai niat kerjaya yang jelas lebih cenderung untuk mengambil langkah-langkah yang diperlukan bagi mencapai matlamat kerjaya mereka. Niat ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti minat, kepercayaan diri, dan pengaruh persekitaran, sebagaimana dinyatakan oleh Maldonado et al. (2021).

Kajian oleh Lee (2022) pula meneliti perbezaan minat kerjaya berdasarkan jantina dan mendapati bahawa pelajar lelaki lebih cenderung kepada minat kerjaya yang bersifat realistik, melibatkan kerja praktikal, teknikal, atau fizikal yang memerlukan kemahiran tangan dan penyelesaian masalah konkrit seperti mekanik automotif dan jurukimpal. Sebaliknya, pelajar perempuan lebih cenderung kepada minat kerjaya yang bersifat artistik dan sosial. Minat kerjaya artistik memerlukan kreativiti, ekspresi diri, dan kepekaan estetik, seperti kerjaya sebagai pelukis, pereka fesyen, dan penulis. Minat kerjaya sosial pula merujuk kepada kecenderungan untuk memilih kerjaya yang melibatkan interaksi dengan orang lain, seperti guru, kaunselor, dan pekerja sosial.

Menurut Abdul Rahman (2023), minat dan motivasi memainkan peranan penting dalam pemilihan kerjaya, dengan penemuan yang menunjukkan bahawa minat peribadi dan kecenderungan personaliti membantu individu menghadapi pelbagai situasi dalam dunia pekerjaan. Kajian ini juga melihat hubungan antara pengalaman praktikal dan niat kerjaya. Alfin Mohamad Hilmi (2020) mendapati bahawa pengalaman internship memberi impak signifikan terhadap konsep sendiri dan komitmen pelajar terhadap kesediaan bekerja dalam bidang automotif.

Berdasarkan teori-teori tersebut, kajian ini bertujuan untuk menyelidik bagaimana minat pelajar dalam subjek teknologi automotif mempengaruhi niat mereka untuk menceburi bidang kerjaya automotif. Melalui pemahaman hubungan ini, kajian ini diharapkan dapat memberi panduan kepada pendidik dan pembuat dasar dalam merangka strategi yang lebih berkesan untuk memupuk minat dan mengukuhkan niat kerjaya pelajar dalam bidang mensewisy automotif.

1.1 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti tahap minat pelajar terhadap subjek teknologi automotif.
2. Mengenal pasti tahap niat kerjaya pelajar dalam bidang mensewisy automotif.
3. Menentukan hubungan antara minat pelajar dalam subjek teknologi automotif dan niat kerjaya mereka dalam bidang mensewisy automotif.

2. Sorotan Literatur

2.1 Minat Pelajar Terhadap Subjek

Pelbagai kajian menunjukkan bahawa minat pelajar dalam mata pelajaran adalah faktor utama yang mempengaruhi pencapaian akademik dan pembelajaran yang lebih berkesan (Høgheim & Federici, 2020). Minat ini boleh dibahagikan kepada minat situasi dan minat individu, yang kedua-duanya memainkan peranan penting dalam menentukan tahap penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran (Kravarusić, 2021). Minat situasi dipengaruhi oleh konteks atau persekitaran pembelajaran, manakala minat individu lebih bersifat peribadi dan berterusan.

Personaliti dan pendekatan pengajaran guru juga menyumbang kepada perkembangan minat pelajar. Guru yang berkemahiran dan mampu mewujudkan hubungan positif dengan pelajar serta mencipta suasana pembelajaran yang menyenangkan dapat meningkatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran (Kravarusić, 2021; Siregar et al., 2023). Kaedah pengajaran seperti pembelajaran inkuiri berpandu terbukti berkesan dalam meningkatkan minat pelajar di mana guru memainkan peranan aktif dalam memandu dan menyokong pelajar sepanjang proses pembelajaran (Firduas & Sulandra, 2021).

Teknologi memainkan peranan penting dalam mempengaruhi minat pelajar. Penggunaan aplikasi web dan teknik seperti kaedah Naive Bayes untuk mengklasifikasikan minat pelajar berdasarkan sejarah pelayaran internet mereka menunjukkan bahawa teknologi boleh digunakan untuk memahami dan memupuk minat pelajar dengan lebih berkesan (Nazir et al., 2020). Ini sejajar dengan teori IDC (*Interest-Driven Creator*) yang menekankan pentingnya mencetuskan, melibatkan dan memperluas minat pelajar melalui strategi pembelajaran yang koheren (Wong et al., 2020).

Selain itu, faktor-faktor seperti kesukaran tugas pembelajaran dan sikap guru juga mempengaruhi minat pelajar. Tugas yang terlalu mudah atau terlalu sukar boleh menyebabkan penurunan minat pelajar, manakala sikap guru yang menyokong dan membimbing pelajar dengan baik dapat meningkatkan minat mereka (Rinne & Lind, 2022). Dalam pendidikan STEM, minat pelajar terhadap sains dan matematik didapati berbeza mengikut masa dan prestasi akademik mereka, di mana minat pelajar boleh meramalkan pencapaian mereka dan sebaliknya (Laine et al., 2020).

Minat dalam pendidikan guru juga memainkan peranan penting dalam menentukan motivasi pelajar untuk melanjutkan pengajian dan mengelakkan daripada berhenti belajar. Kajian menunjukkan bahawa minat didaktik, pedagogik dan subjek adalah berkaitan dengan aspirasi mengajar dan pemikiran untuk berhenti belajar di kalangan pelajar guru (Høgheim & Federici, 2020). Secara keseluruhannya, kajian-kajian ini menegaskan bahawa minat pelajar dalam mata pelajaran adalah elemen kritikal yang perlu diberi perhatian dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan. Dengan memahami faktor-faktor yang mempengaruhi minat ini, pendidik dan pembuat dasar dapat merangka strategi yang lebih berkesan untuk memupuk minat dan meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

2.2 Pengaruh Minat Pelajar Terhadap Kerjaya

Kajian mengenai pengaruh minat pelajar terhadap pilihan kerjaya telah menarik perhatian ramai penyelidik dalam bidang pendidikan dan psikologi. Minat pelajar yang sering dipupuk melalui pelbagai pengalaman pendidikan dan sokongan sosial memainkan peranan penting dalam membentuk aspirasi dan pilihan kerjaya mereka. Artikel-artikel dalam kajian ini memberikan pandangan yang komprehensif tentang bagaimana pelbagai faktor termasuk media, jantina, sokongan keluarga, pengaruh sosial dan motivasi peribadi mempengaruhi minat dan pilihan kerjaya pelajar.

Menurut kajian oleh Tuba Ketenci et al. (2023), media memainkan peranan penting dalam mempengaruhi minat pelajar terhadap kerjaya STEM. Identiti sosial yang dibentuk melalui media dapat meningkatkan minat pelajar terhadap bidang ini. Dalam konteks yang lebih luas, Tuba Ketenci et al. (2023) meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian kerjaya STEM termasuk latar belakang sosio-ekonomi dan pengalaman pendidikan. Faktor-faktor ini sering kali lebih menentukan berbanding faktor individu. Xiang Li Nutteera Phakdeephrot (2023) membincangkan bagaimana motivasi pencapaian mempengaruhi kebolehpasaran pelajar kolej melalui keyakinan diri dan prestasi akademik, menekankan hubungan langsung antara motivasi dan hasil kerjaya.

Sokongan rakan sebaya dan mentor memainkan peranan penting dalam membentuk aspirasi kerjaya pelajar dalam pendidikan tinggi (Emily Green, 2022). Aktiviti kokurikulum membentuk minat kerjaya pelajar sekolah menengah dan mempengaruhi pilihan kerjaya jangka panjang mereka (Sarah Johnson, 2020). Kajian longitudinal oleh Linda Taylor (2023) mendapati bahawa jangkaan ibu bapa membentuk pilihan kerjaya pelajar dari semasa ke semasa, menekankan pentingnya dinamika keluarga dalam membuat keputusan kerjaya. Chris Thompson (2021) menekankan pengaruh hubungan rakan sebaya dan rangkaian sosial terhadap aspirasi kerjaya dan pilihan kerjaya dalam kalangan remaja, menunjukkan bahawa pengaruh sosial memainkan peranan penting dalam menentukan laluan kerjaya.

Secara keseluruhan, kajian-kajian ini menekankan kepentingan pelbagai faktor dalam mempengaruhi minat dan pilihan kerjaya pelajar. Memahami pengaruh ini adalah penting untuk merangka strategi pendidikan dan sokongan yang berkesan untuk membantu pelajar mencapai aspirasi kerjaya mereka.

2.3 Motivasi Intrinsik

Kajian mengenai motivasi intrinsik telah menjadi fokus utama dalam pelbagai bidang seperti psikologi, pendidikan dan sains sosial. Motivasi intrinsik merujuk kepada dorongan dalaman yang mendorong individu untuk melibatkan diri dalam aktiviti kerana minat dan kepuasan yang diperoleh daripadanya, bukan disebabkan oleh ganjaran luar Ryan & Deci (2020). Fenomena ini mempunyai implikasi yang luas terhadap pembelajaran, prestasi pekerjaan dan kesejahteraan psikologi. Dalam konteks pendidikan, motivasi intrinsik memainkan peranan penting dalam menentukan kualiti pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar (Fishbach & Woolley, 2021).

Motivasi intrinsik bukan sahaja penting dalam konteks pembelajaran tetapi juga dalam menentukan pilihan kerjaya seseorang, termasuk dalam bidang automotif. Pelajar yang mempunyai motivasi intrinsik yang tinggi cenderung untuk mengejar bidang pekerjaan yang selari dengan minat dan kebolehan mereka. Cheng et al. (2020) menunjukkan bahawa ekspresi senyuman yang tulen adalah petunjuk kuat motivasi intrinsik, yang mana dapat meningkatkan komitmen terhadap tugas. Pelajar yang mempunyai minat mendalam dalam bidang automotif dan merasakan kepuasan dalaman daripada aktiviti berkaitan seperti reka bentuk dan pembaikan kenderaan lebih cenderung untuk memilih kerjaya dalam bidang tersebut.

Kepentingan motivasi intrinsik dalam pemilihan kerjaya turut ditunjukkan dalam kajian Chai et al. (2021) yang mendapati bahawa motivasi intrinsik dan kepercayaan epistemik yang canggih mempunyai kesan positif yang ketara terhadap pencapaian akademik dalam sains. Pelajar yang mempunyai motivasi intrinsik yang tinggi lebih berkemungkinan mencapai kejayaan dalam bidang teknikal seperti automotif di mana kecekapan teknikal dan kreativiti sangat dihargai. Remic (2021) mengkritik penggunaan konsep motivasi intrinsik dalam ekonomi tetapi menegaskan kepentingan memahami faktor dalaman yang mendorong individu memilih bidang pekerjaan yang mereka gemari.

Hussein et al. (2021) menekankan bahawa efikasi sendiri berkaitan rapat dengan motivasi intrinsik untuk belajar yang secara tidak langsung mempengaruhi pilihan kerjaya pelajar. Pelajar yang yakin dengan kebolehan teknikal mereka lebih terdorong untuk menceburi bidang ini. Santos et al. (2020) mendapati bahawa ekspresi wajah dapat digunakan sebagai petunjuk motivasi intrinsik yang penting dalam memahami minat pelajar terhadap bidang tertentu. Kajian Tiomkin et al. (2022) meneroka pendekatan teori maklumat untuk motivasi intrinsik dalam sistem kawalan dinamik, menekankan bagaimana prinsip-prinsip ini boleh diaplikasikan dalam bidang automotif. Dalam industri automotif, di mana inovasi teknologi dan keberkesanan sistem adalah kunci, motivasi intrinsik dapat menjadi pemacu utama dalam mencapai kejayaan.

Secara keseluruhannya, sorotan literatur menunjukkan bahawa motivasi intrinsik adalah elemen kritikal yang memberi kesan besar terhadap pilihan kerjaya pelajar, terutamanya dalam bidang teknikal seperti automotif. Pemahaman mendalam tentang motivasi intrinsik dapat membantu institusi pendidikan dan industri mengembangkan strategi yang lebih berkesan untuk menarik dan mengekalkan bakat dalam bidang ini.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap minat pelajar terhadap subjek teknologi automotif, tahap niat kerjaya pelajar dalam bidang menservis automotif, serta hubungan antara minat pelajar dalam subjek Teknologi Automotif dengan niat kerjaya mereka dalam bidang menservis automotif. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif dan melibatkan keseluruhan populasi seramai 134 pelajar daripada semua kohort Program Teknologi Automotif di sebuah Kolej Vokasional dalam daerah Johor Bahru, Johor. Data bagi kajian ini dianalisis menggunakan statistik deskriptif untuk mendapatkan nilai skor min dan statistik inferensi bagi korelasi Pearson dengan perisian IBM SPSS Statistics versi 21.0. Ini membolehkan pengkaji mendapatkan pemahaman yang lebih komprehensif tentang data dari deskripsi asas hingga ke tahap analisis hubungan yang lebih kompleks. Instrumen kajian menggunakan borang soal selidik dengan skala Likert 5 mata, dipilih kerana ia menyediakan kaedah pengumpulan data yang sistematik, berstruktur, dan cekap dari segi masa serta kos. Borang soal selidik juga memudahkan pengukuran pelbagai pemboleh ubah, sesuai untuk analisis statistik, dan mampu menghasilkan data yang sah serta boleh dipercayai. Prosedur pengumpulan data dimulakan dengan mendapatkan kebenaran daripada pihak pengurusan Kolej Vokasional dan seterusnya memberikan taklimat kepada pelajar bagi menjelaskan tujuan kajian, prosedur pengisian borang soal selidik, serta memastikan penyertaan secara sukarela. Borang soal selidik diedarkan kepada semua pelajar dan mereka diminta mengisinya dalam tempoh masa yang ditetapkan. Pelajar diberikan masa yang mencukupi untuk menjawab semua soalan sebelum soal selidik yang telah diisi dikumpulkan semula untuk dianalisis. Hasil analisis dibentangkan dalam bentuk laporan. Penyertaan pelajar adalah secara sukarela dan mereka diberi jaminan bahawa segala maklumat yang diberikan adalah dirahsiakan dan hanya digunakan untuk tujuan kajian. Pertimbangan etika ini penting untuk memastikan hak dan privasi peserta terpelihara serta mematuhi

piawaian etika penyelidikan. Dengan huraian metodologi ini, penyelidik lain dapat memahami dan mereplikasi kajian ini menggunakan pendekatan dan prosedur yang sama.

4. Keputusan

Data kajian yang diperolehi daripada 134 pelajar KV Tanjung Puteri telah dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif untuk menentukan nilai skor min dan statistik inferensi bagi menguji korelasi Pearson. Hasil analisis ini disusun secara sistematik bagi memberikan gambaran yang jelas mengenai minat pelajar terhadap subjek Teknologi Automotif dan niat kerjaya pelajar dalam bidang menservis automotif serta hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah.

4.1 Minat Pelajar Terhadap Subjek Teknologi Automotif

Hasil analisis minat pelajar terhadap subjek Teknologi Automotif ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

No Item	Kenyataan Item	Min	Median	Sisihan Piawai	Tafsiran Min
1	Saya merasa teruja untuk mempelajari lebih lanjut tentang teknologi automotif.	4.37	4.00	0.582	Sangat Tinggi
2	Saya berminat untuk menghadiri semua kelas yang berkaitan dengan teknologi automotif.	4.35	4.00	0.707	Sangat Tinggi
3	Saya sering mengaplikasikan pengetahuan teknologi automotif yang dipelajari dalam kehidupan seharian.	4.38	4.00	0.572	Sangat Tinggi
4	Saya suka melakukan kerja amali dalam bidang teknologi automotif.	4.24	4.00	0.578	Sangat Tinggi
5	Saya merasakan kursus teknologi automotif yang saya ikuti sangat menarik dan bermanfaat.	4.33	4.00	0.585	Sangat Tinggi
6	Saya bersemangat untuk menyertai projek atau pertandingan yang berkaitan dengan teknologi automotif.	4.32	4.00	0.608	Sangat Tinggi
7	Saya ingin melanjutkan pengajian atau mengikuti latihan kemahiran yang lebih tinggi dalam bidang teknologi automotif selepas tamat kolej.	4.34	4.00	0.574	Sangat Tinggi
8	Saya selalu mencari peluang untuk belajar lebih banyak tentang inovasi dan perkembangan terkini dalam teknologi automotif.	4.31	4.00	0.652	Sangat Tinggi
9	Saya percaya bahawa kursus teknologi automotif ini akan membantu saya mencapai kerjaya yang saya inginkan.	4.35	4.00	0.591	Sangat Tinggi
10	Saya sering berbincang dengan rakan-rakan atau pensyarah tentang topik yang berkaitan dengan teknologi automotif.	4.40	4.00	0.613	Sangat Tinggi
Tahap Minat Keseluruhan		4.34	4.00	0.606	Sangat Tinggi

Analisis data bagi item 1 menunjukkan bahawa min skor adalah 4.37 dengan sisihan piawai 0.582, yang mencerminkan tahap minat pelajar yang sangat tinggi dalam mempelajari lebih lanjut tentang teknologi automotif. Keputusan ini menggambarkan kehairahan dan keinginan kuat pelajar untuk mendalami pengetahuan dalam bidang ini. Kesimpulannya, pelajar menunjukkan semangat yang tinggi untuk terus belajar dan mengembangkan diri dalam teknologi automotif.

Data bagi item 2 memperlihatkan min skor 4.35 dengan sisihan piawai 0.707, yang menunjukkan tahap minat yang sangat tinggi dalam kalangan pelajar. Keputusan ini mencerminkan komitmen pelajar untuk menghadiri semua kelas yang berkaitan dengan teknologi automotif, menandakan dedikasi mereka terhadap pembelajaran dalam bidang ini. Oleh itu, pelajar menunjukkan kesungguhan yang luar biasa untuk mengikuti setiap kelas yang ditawarkan.

Hasil analisis bagi item 3 menunjukkan min skor 4.38 dengan sisihan piawai 0.572, yang menunjukkan bahawa pelajar sering menerapkan pengetahuan teknologi automotif dalam kehidupan harian mereka. Ini mencerminkan tahap aplikasi praktikal yang tinggi dan relevansi pembelajaran mereka terhadap kehidupan seharian. Secara keseluruhannya, pelajar berjaya mengintegrasikan pengetahuan yang dipelajari dalam situasi harian mereka.

Analisis bagi item 4 menunjukkan min skor 4.24 dengan sisihan piawai 0.578, menunjukkan bahawa pelajar sangat menyukai aktiviti praktikal dalam teknologi automotif. Keputusan ini menunjukkan bahawa pengalaman hands-on sangat penting bagi mereka dan membantu mereka memahami konsep dengan lebih baik. Kesimpulannya, pelajar menunjukkan minat yang tinggi terhadap kerja amali yang meningkatkan pemahaman mereka.

Data bagi item 5 menunjukkan min skor 4.33 dengan sisihan piawai 0.585, menunjukkan bahawa pelajar menganggap kursus teknologi automotif yang diikuti adalah menarik dan bermanfaat. Keputusan ini menekankan kepuasan mereka terhadap kandungan kursus dan penggunaannya dalam kerjaya masa depan mereka. Oleh itu, pelajar berasa sangat puas hati dengan apa yang dipelajari dan yakin dengan manfaatnya.

Hasil analisis bagi item 6 menunjukkan min skor 4.32 dengan sisihan piawai 0.608, menunjukkan bahawa pelajar sangat bersemangat untuk melibatkan diri dalam projek atau pertandingan yang berkaitan dengan teknologi automotif. Keputusan ini mencerminkan minat mereka dalam kegiatan kokurikulum yang dapat mengasah kemahiran praktikal dan teori. Kesimpulannya, pelajar menunjukkan kehairahan yang tinggi dalam menyertai projek dan pertandingan yang berkaitan.

Analisis data bagi item 7 menunjukkan min skor 4.34 dengan sisihan piawai 0.574, menunjukkan bahawa pelajar mempunyai minat yang sangat tinggi untuk melanjutkan pengajian atau latihan kemahiran selepas tamat kolej. Keputusan ini menandakan aspirasi mereka untuk mencapai tahap kemahiran yang lebih tinggi dalam bidang ini. Secara keseluruhannya, pelajar menunjukkan keinginan yang kuat untuk terus maju dalam pengajian mereka.

Data bagi item 8 menunjukkan min skor 4.31 dengan sisihan piawai 0.652, menunjukkan bahawa pelajar sentiasa mencari peluang untuk belajar tentang inovasi dan perkembangan terkini. Keputusan ini menunjukkan keinginan mereka untuk sentiasa up-to-date dengan teknologi terbaru dalam bidang automotif. Oleh itu, pelajar menunjukkan minat yang tinggi untuk mengetahui perkembangan terbaru dalam bidang ini.

Hasil analisis bagi item 9 menunjukkan min skor 4.35 dengan sisihan piawai 0.591, menunjukkan keyakinan pelajar bahawa kursus ini akan membantu mereka mencapai kerjaya yang diinginkan. Keputusan ini mencerminkan harapan tinggi mereka terhadap keberhasilan kursus dalam memenuhi aspirasi kerjaya mereka. Kesimpulannya, pelajar yakin bahawa kursus yang diikuti akan memberi manfaat besar kepada kerjaya mereka.

Analisis data bagi item 10 menunjukkan min skor 4.40 dengan sisihan piawai 0.613, menunjukkan bahawa pelajar sering berbincang mengenai topik berkaitan dengan teknologi automotif dengan rakan-rakan atau pensyarah. Keputusan ini menunjukkan interaksi dan diskusi aktif yang dapat memperdalam pemahaman mereka terhadap subjek. Secara keseluruhannya, pelajar menunjukkan tahap interaksi yang tinggi dalam perbincangan berkaitan teknologi automotif.

Berdasarkan keputusan di atas, dapat disimpulkan bahawa minat pelajar terhadap bidang teknologi automotif adalah sangat tinggi. Kesemua item yang dikaji menunjukkan min yang berada dalam julat 4.24 hingga 4.40, dengan tahap minat keseluruhan pada 4.34, yang semuanya ditafsirkan sebagai sangat tinggi. Min tertinggi ialah pada item "Saya sering berbincang dengan rakan-rakan atau pensyarah tentang topik yang berkaitan dengan teknologi automotif" (4.40), manakala min terendah pada item "Saya suka melakukan kerja amali dalam bidang teknologi automotif" (4.24). Sisihan piawai bagi setiap item adalah rendah, menunjukkan konsistensi dalam jawapan pelajar terhadap soalan-soalan yang diberikan. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar tidak hanya berminat untuk mempelajari lebih lanjut tentang teknologi automotif tetapi juga bersemangat untuk terlibat secara aktif dalam pelbagai aktiviti berkaitan, seperti menghadiri kelas, mengaplikasikan pengetahuan dalam kehidupan seharian, dan menyertai projek atau pertandingan. Minat yang sangat tinggi ini mencerminkan tahap keghairahan dan dedikasi yang kuat dalam kalangan pelajar terhadap bidang teknologi automotif, yang berpotensi besar untuk membantu mereka mencapai kerjaya yang diinginkan dalam bidang ini.

4.2 Niat Kerjaya Pelajar Dalam Bidang Menservis Automotif

Hasil analisis niat kerjaya pelajar dalam bidang menservis automotif ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2

No Item	Kenyataan Item	Min	Median	Sisihan Piawai	Tafsiran Min
1	Saya berhasrat untuk bekerja dalam bidang menservis automotif selepas tamat pengajian.	4.35	4.00	0.640	Sangat Tinggi
2	Saya berusaha untuk mendapatkan maklumat tentang peluang kerjaya dalam bidang menservis automotif.	4.25	4.00	0.633	Sangat Tinggi
3	Saya merancang untuk memohon pekerjaan dalam bidang menservis automotif sebaik sahaja tamat pengajian.	4.26	4.00	0.648	Sangat Tinggi
4	Saya yakin bidang menservis automotif adalah pilihan kerjaya yang tepat untuk saya.	4.28	4.00	0.621	Sangat Tinggi
5	Saya yakin dengan kemampuan saya untuk berjaya dalam bidang pekerjaan menservis automotif.	4.14	4.00	0.684	Tinggi
6	Saya bertekad untuk mencapai kejayaan dalam bidang pekerjaan menservis automotif.	4.28	4.00	0.580	Sangat Tinggi
7	Saya akan mengambil langkah-langkah yang diperlukan untuk memasuki bidang pekerjaan menservis automotif.	4.37	4.00	0.655	Sangat Tinggi
8	Saya berminat untuk menjalani latihan praktikal dalam bidang menservis automotif.	4.28	4.00	0.644	Sangat Tinggi
9	Saya sentiasa mencari peluang untuk mengembangkan kemahiran saya dalam bidang menservis automotif.	4.28	4.00	0.606	Sangat Tinggi
10	Saya bersedia untuk menghadapi cabaran dalam bidang pekerjaan menservis automotif.	4.27	4.00	0.627	Sangat Tinggi
Tahap Niat Keseluruhan		4.28	4.00	0.634	Sangat Tinggi

Analisis data bagi item 1 menunjukkan bahawa min skor adalah 4.35 dengan sisihan piawai 0.640, yang mencerminkan niat pelajar untuk bekerja dalam bidang menservis automotif adalah sangat tinggi. Ini menggambarkan aspirasi dan minat yang mendalam terhadap bidang kerjaya ini. Kesimpulannya, pelajar menunjukkan hasrat yang kukuh untuk menceburi kerjaya dalam menservis automotif selepas tamat pengajian.

